

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH - BN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 27)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah terdapat beberapa bentuk faedah galakan dan apakah inisiatif serta langkah jangka panjang Kementerian Belia dan Sukan dalam menggalakkan program yang melibatkan belia seperti "MyCorps".

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa bentuk faedah galakan dan inisiatif serta langkah jangka panjang Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melibatkan belia antaranya memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan belia seperti Anugerah Belia Perdana Negara dan Anugerah Remaja Perdana pada setiap tahun. Selain itu, KBS turut memberi peluang kepada golongan belia untuk terlibat secara langsung dalam program - program pengantarabangsaan belia seperti Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun dan program-program pertukaran belia di beberapa buah negara seperti Brunei, Indonesia, Korea Selatan dan Singapura.
2. KBS turut berperanan merealisasikan usaha kerajaan untuk membangunkan nilai positif dalam kalangan belia iaitu semangat kesukarelawanan yang tinggi di pelbagai peringkat melalui inisiatif program MyCorps. Inisiatif ini merupakan program Kesukarelawanan Belia Antarabangsa Malaysia yang bertujuan untuk membentuk sendiri dan jati diri belia Malaysia melalui khidmat, sumbangan serta pengalaman dalam kerja-kerja kesukarelawanan khususnya dengan mensasarkan untuk melahirkan sukarelawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat global.

SULIT

3. Program MyCorps memberi pengalaman yang berharga kepada golongan belia untuk bekerjasama dengan NGO antarabangsa dalam menjayakan program ini. Ianya secara tidak langsung dapat mewujudkan rangkaian kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta perkongsian bestari antara pelbagai sektor dan NGO kesukarelaan bagi memantapkan lagi program MyCorps di masa akan datang. MyCorps juga dapat mengupayakan sukarelawan dalam kalangan belia dengan mengadakan program berbentuk penempatan sementara sukarelawan di negara-negara luar.

4. Program MyCorps diyakini mampu menjadi pemangkin untuk menjadikan belia Malaysia mempunyai nilai jati diri yang tinggi, prihatin dan bertanggungjawab kepada bangsa dan negara serta mampu berdaya saing di peringkat global. Dengan pengalaman dan cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang program ini, golongan belia akan mampu mencari dan mengembangkan potensi diri dalam bidang kesukarelaan baik di dalam mahupun di luar negara.

Sekian, terima kasih.